

Jelajah

JANUARI 2021

EDISI LANGKAWI

LANGKAWI

PERMATA KEDAH

SEJARAH LANGKAWI | PANTUN COVID-19 | SAJAK MAHSURI | COVID-19 MENGHANTUI PERLANCONGAN DI LANGKAWI

SBLM1023V

ISI  
KANDUNGAN

## **LANGKAWI PERMATA KEDAH**

**3**

## **SEJARAH LANGKAWI**

**7**

## **SAJAK MAHSURI**

**8**

## **PANTUN COVID-19**

**9**

## **COVID-19 MENGHANTUI PERLANCONGAN DI LANGKAWI**

**10**

## **RUNGAN IKLAN**

**11**

# **TINTAN EDITOR**



Assalmualaikum dan salam sejahtera.

Alhamdulilah bersyukur ke hadrat ilahi atas limpah, rahmat dan kurnianya. Buat pertama kalinya, Majalah Jelajah dapat diterbitkan didalam bentuk e-majalah akan menemui pembaca.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua editor Majalah Jelajah ini dan Dr. Nazreen sebagai penasihat majalah ini yang tidak jemu memberi nasihat dan tunjuk ajar untuk kami menjayakan majalah ini.

Majalah Jelajah ini merupakan sebuah majalah pelancongan yang akan memfokuskan tempat-tempat menarik yang boleh dilawati pelancong Malaysia sendiri ataupun pelancong dari negara lain. Setiap keluaran edisi majalah ini akan memfokuskan tempat yang berlainan.

Disebabkan Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia telah menjaskan industri pelancongan Malaysia. Banyak hotel dan inap desa (*homestay*) tidak dapat beroperasi seperti biasa. Tidak terkecuali juga peniaga-peniaga yang beroperasi di kawasan pelancongan turut terjejas kerana tiada sebarang aktiviti pelancongan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP).


Oleh itu, kami cuba membantu para pemain industri pelancongan Malaysia dengan cara menpromosi perniagaan mereka didalam majalah ini. Kami harap langkah ini dapat membantu meraka yang terjejas.





A photograph of a sunset over a calm sea. The sky is filled with warm orange, yellow, and red hues. In the foreground, silhouettes of palm trees frame the scene. The word "PULI" is overlaid in large, white, sans-serif capital letters across the upper portion of the image.

# PULI LANG



AU  
KAWI



# LANGKAWI PERMATA KEDAH

*Daripada Ayu Syakira*

Pulau Langkawi merupakan sebuah tempat percutian menarik yang terletak di persisiran barat laut Semenanjung Malaysia. Pulau ini kaya dengan sejarahnya yang tersendiri dan menjadi tumpuan destinasi pelancongan bertaraf dunia.

Kepelbagaiannya tempat dan aktiviti menarik yang ada di Pulau Langkawi ini telah menarik lebih minat para pelancong sama ada dari dalam dan luar negara. Terdapat lebih daripada 50 tempat menarik yang boleh dilawati oleh pelancong di pulau ini. Antaranya ialah Pulau Cenang, UMGAWA ZiplineEco Adventure dan Pulau Dayang Bunting. Setiap tempat ini mempunyai keunikan dan sejarahnya yang tersendiri menjadikan orang ramai lagi berminat untuk datang.

Pakej-pakej yang ditawarkan juga cukup menarik dan berpatutan mengikut keselesaan para pelancong sama ada pelancong berseorangan, berpasangan maupun berkeluarga.

Antara tempat menarik yang menjadi tumpuan para pelancong ialah Pulau Dayang Bunting, di sinilah terletaknya sebuah tasik yang menjadi tempat kegemaran puteri kayangan yang bernama Mayang Sari.

Tempat ini kelihatan seperti seorang wanita yang bunting atau mengandung berada dalam keadaan baring jika dilihat dari jauh. Beberapa aktiviti yang menarik disediakan bersama dengan pakej seperti berenang, berkayak dan cycle swarn. Langkawi Canopy Adventure juga menjadi tumpuan para pelancong, keindahan yang ditawarkan Gunung Raya Langkawi dapat dinikmati sambil melakukan pelbagai aktiviti yang ekstrem seperti ziplining, merentas hutan tebal, abseiling dan memanjat pokok.

Kawasan yang paling terkenal di sini ialah Pantai Cenang, kawasan ini cukup meriah dengan pelbagai jualan barang, pelbagai jenis makanan dan tempat-tempat yang juga menawarkan aktiviti air yang menarik seperti jet ski, banana boat dan banyak lagi.

Selain itu, antara aktiviti lain yang boleh dilakukan oleh para pelancong dan menjadi tumpuan ramai ialah parasailing di Tanjung Rhu Langkawi sambil menikmati pemandangan yang cantik. Seterusnya, pelacong boleh menyewa helicopter dan pusing di sekitar pulau dengan harga RM550 sahaja selama 5 minit.

Pelancong juga boleh ke Gunung Mat Cincang dengan menaiki cable car dengan harga serendah RM85. Island hopping di Langkawi merangkumi aktiviti di Tasik Dayang Bunting dan melawati beberapa pulau menarik di sana. 'Be Creative' di Muzium 3D Langkawi dan 6D Cinemotion merupakan antara tempat yang baru dibuka pada tahun 2020.

Langkawi mula diberi perhatian apabila kerajaan perseketuan mengisytiharkan pulau ini sebagai zon bebas cukai pada tahun 1987 dan membangunkan sebagai destinasi pelancongan terkemuka dunia. Perkembangan yang pesat di Langkawi disebabkan dasar kerajaan yang mesra pelabur, penyediaan infrastruktur yang berkualiti di samping memiliki kekayaan sumberjaya alam semulajadi dan warisan budaya penduduk yang berpotensi untuk pelancongan.

Kesan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan terhadap pembangunan di Langkawi dapat dilihat dengan peningkatan jumlah kedatangan pelancong ke Langkawi seramai 310,004 orang (1987) kepada 3,924,326 orang (2019).

Selain itu, lokasi-lokasi awal tumpuan pelancong ke Langkawi tertumpu di Pekan Kuah dan beberapa lokasi yang dikaitkan dengan kisah legenda Langkawi seperti di Beras Terbakar, Padang Matsirat, Pantai Pasir Hitam, Perigi Tujuh, Pulau Dayang Bunting dan Makam Mahsuri di Ulu Melaka. Pelancong juga mengunjungi Pantai Chenang dan Pantai Tengah yang merupakan destinasi baru pelancongan pantai.


Perkembangan pelancongan di Langkawi terus pesat dengan kemasukan pelabur-pelabur yang menanam modal dalam bidang penginapan dan perkhidmatan. Oleh itu, Langkawi telah memberikan sumbangan yang besar dalam hasil ekonomi kepada kerajaan Malaysia.

Penganjuran beberapa acara bertaraf dunia seperti Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA), The Royal Langkawi International Regatta, The Ironman Langkawi International Triathlon dan Le Tour de Langkawi di samping promosi yang agresif oleh kerajaan telah melonjakkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang popular. Bagi menarik lebih ramai pelancong, Langkawi kini dipromosikan sebagai 'Langkawi Geopark'

Status ini telah dianugerahkan oleh UNESCO pada 2007 kerana Langkawi mempunyai kepelbagaiannya biodiversiti batuan geologi yang menarik dan tertua tertumpu di tiga kawasan meliputi 'The Machinchang Cambrian Geoforest Park', 'Kilim Karst Geoforest Park' dan 'Dayang Bunting Geoforest Park'.







# Sejarah **LANGKAWI**

A large white horizontal line graphic is positioned below the title, spanning from approximately the middle of the 'L' in 'LANGKAWI' to the end of the 'I'.



# SEJARAH LANGKAWI

Daripada Hidayat Hadi

Menurut sejarah Pulau Langkawi berasal daripada singkatan perkataan Lang iaitu sejenis burung dan dikaitkan dengan sejenis batu lama bernama kawi yang terdapat di Langkawi. Hasil dari gabungan kedua-dua perkataan ini telah membentuk perkataan Langkawi.

Pulau Langkawi sudah lama terkenal di kalangan ahli-ahli pelayaran dan perniagaan dari barat dan timur sejak abad ke 15 lagi sebagai sebuah pulau yang banyak mengeluarkan hasil rempah dan lada hitam yang sangat diperlukan oleh negara barat.

Laksamana Cheng Ho seorang ahli pelayaran Cina yang termashyur ada mencatatkan Pulau Langkawi di dalam peta pelayarannya ke Melaka dalam tahun 1405 sebagai Pulau Long-ya~kioo~yi.

Menurut lagenda daripada seorang General Peranchis yang bernama Augustin De Beaulien dalam buku catatan pelayarannya bahawa dalam tahun 1621 beliau hendak belayar ke Queda (Kedah) tetapi oleh kerana arus terlalu deras, maka beliau terpaksa pergi ke Pulau Lanacui (Langkawi) untuk membeli lada dan bermiaga di Langkawi.

Menurut sejarah pada kurun Masehi ke 17, pulau ini telah mengalami kemerosotan apabila Langkawi di sumpah oleh Mahsuri bahawa pulau ini tidak akan maju selama tujuh keturunan.

Sejak daripada peristiwa tersebut Langkawi terus mundur dan tidak dikenali lagi.



Peristiwa sejarah menyayat hati tersebut dikenali sebagai Lagenda Mahsuri di mana Mahsuri telah dihukum bunuh kerana dituduh bermukah dan terjadilah sumpahan akibat hukuman tersebut.

Peristiwa ini berlaku 200 tahun yang lalu apabila Ketua kampung Pulau Langkawi iaitu Datuk Seri Kerma Jaya ingin mengahwini Mahsuri, anak kacukan Siam yang jelita sebagai isteri keduanya. Hasratnya mendapat tentangan daripada isterinya yang bernama Mahura. Akhirnya Mahsuri dikahwinkan dengan anak Ketua kampung yang tinggal di Kampung Mawat bernama Mat Deris.


Mahsuri dituduh bermain kayu tiga dengan Deramang semasa suaminya ke medan perang. Mahura yang memang dengkikan Mahsuri telah menabur fitnah mengatakan kecurangannya hingga Mahsuri dihukum bunuh.

Setelah dilontarkan lembing maka keluarlah darah putih dan berlakulah sumpahan ke atas pulau tersebut iaitu Langkawi tidak akan maju selama tujuh generasi.

Selepas peristiwa tersebut, Langkawi diserang oleh tentera Siam hingga menjadi padang jarak padang terkukur. Makam Mahsuri yang tidak bersalah itu masih kekal hingga kini.

Kini tempoh sumpahan tersebut telah pun berakhir dan Pulau Langkawi muncul semula dengan membawa beberapa kemajuan dan pembangunan yang pesat.

Pulau Lagenda ini telah berjaya menarik ramai pelancong yang datang dari dalam dan luar negara untuk menikmati keindahan semulajadi dan melawat tempat-tempat bersejarah.





# SAJAK MAHSURI

*Zurinah Hassan*

*Antologi Harga Remaja Dewan  
Bahasa dan Pustaka*


Selendangmu mengibar di pantai menyambut tetamu  
pulau setiamu menjadi lagu nyanyian ombak pagi  
rambutmu menjadi jalur hitam terapung di laut  
malam air matamu dingin embun jatuh di tujuh telaga

Dendam tujuh keturunan  
melengkung tujuh tanjung  
putihlah pulau ini  
disimbah darah suci

Mahsuri  
sumpah itulah yang telah menghidupkan Langkawi  
kerana tanpamu  
Langkawi tidak sebegini.


Kata orang Mahsuri tidak pernah hidup  
dia hanya bermula dengan khayalan seorang seniman  
pun kata orang Mahsuri pernah hidup  
tetapi bahasa seorang pencerita  
membuat dia lebih hidup dari kehidupannya  
sastera yang mewarnai tanah air  
kerana tanpa Mahsuri

Langkawi tidak sebegini bererti  
Mahsuri membesarkan Langkawi  
sastera membesarkan tanah air



# PANTUN COVID-19


*Abang Hadera Hj. Lee  
Naib Presiden 1 Persatuan Melayu  
Sarawak*



Berakit menyeberang lautan samudera  
Badai gelora rela digagahi  
Covid sedang bermaharajalela  
Mari bersamakita hindari

Menjala ikan terus ke senja  
Terjala ular panjang sehasta  
Korona bukan virus biasa  
Cepat menular menerkam mangsa

PKP dilaksanakan dilanggar jangan  
Bertujuan menyekat penularan wabak  
Duduk di rumah jaga kebersihan  
Bila keluar guna topeng dan jaga jarak



Pedang dilibas menyusun gerakan  
Gegak gempita semngat perkasa  
Kepada petugas di barisan hadapan  
Kamulah wira dan pejuang negara

Anak angsa jalan berlima  
Berenang terus ke dalam telaga  
Tak kira bangsa dan juga agama  
Bersama menghapus virus corona

Nasihat agama dan orang tua  
Banyak berdoa kepada Tuhan  
Jangan lupa peranan kita  
Patuhi PKP putuskan rantaian penularan.



# BERITA TERKINI

COVID-19 MENGHANTUI PERLANCONGAN DI LANGKAWI



**(LADA) merekodkan penurunan sebanyak 54 peratus daripada 1.6 juta pelancong**

## COVID-19 DI LANGKAWI

DARIPADA FARIS HAIKAL

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan, banyak sektor industri yang mengalami kerugian besar. Antaranya ialah sektor pelancongan terutamanya di Langkawi. Seperti kita sedia maklum, Langkawi memberi keuntungan yang besar kepada negara. Ini adalah kerana Langkawi mempunyai banyak tempat yang menarik untuk pelancong asing mahupun pelancong tempatan. Tak dilupakan juga Langkawi mempromosikan coklat dengan harga yang murah tanpa dikenakan cukai berbanding di negeri lain.

Kemudian, Malaysia telah diserang oleh wabak Covid-19. Banyak perusahaan dan peniaga yang terkesan hingga menyebabkan mereka terpaksa menutup perniagaan mereka untuk selamanya kerana tidak dapat bermiaga sewaktu PKP dijalankan.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Perlancongan negeri, Mohd Firdaus Ahmad, mengatakan bahawa sektor pelancongan Langkawi memerlukan bantuan khusus kerana pulau peranginan itu mampu memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Sudah jelas kita lihat kehadiran pelancong yang makin berkurang menyebabkan majoriti penduduk yang bergantung kepada aktiviti pelancongan hilang pendapatan.

## KES COVID-19



Tambahan pula, kita dimaklumkan bahawa banyak hotel yang terpaksa menutup operasi. Disebabkan oleh musim cuti sekolah telah berlangsung, Unit Peneraju Agenda

Bumiputera (TERAJU) mengadakan sesi dialog bersama 50 pengusaha hotel untuk membincangkan mengenai cabaran dalam memulihkan sektor pelancongan di Langkawi. Antara cara untuk mengekalkan kelestarian Langkawi adalah dengan memperkuatkan projek akuakultur.

Projek akuakultur perlu dipertimbangkan sama ada ia akan memberikan kesan yang baik atau buruk terhadap kelestarian Langkawi sebagai kawasan hijau. Dalam sesi dialog itu juga memberitahu bahawa Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) merekodkan penurunan sebanyak 54 peratus daripada 1.6 juta pelancong bermula Jan 2020 sehingga Nov 2020 berbanding 3.14 juta pelancong di Langkawi pada 2019.

Pendapatan sektor pelancongan di Langkawi hanya mencatatkan sebanyak RM 900 juta sehingga Nov 2020, berbanding RM 1.7 billion pada 2019.

Sepanjang tempoh PKPB diperkenalkan daripada 9 Nov 2020 sehingga 6 Dec 2020, kerajaan negeri telah memutuskan untuk membenarkan beberapa aktiviti sektor pelancongan, seni dan budaya, belia dan sukan untuk meneruskan operasi. Menurut kerajaan, aktiviti perlancangan dibenarkan di Kawasan PKPB iaitu di daerah sendiri akan tetapi aktiviti perkelahan tidak dibenarkan.

Sebagai contoh, penduduk di satu kawasan boleh melawat tempat perlancangan, tetapi perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak bersentuhan boleh dijalankan tidak melebihi 10 orang.

**"Aktiviti sektor pelancongan, seni dan budaya, belia dan sukan diteruskan operasi"**

